

TRANSFORMASI STRATEGI KUALITI DAN PENJENAMAAN PENERBITAN: SATU KAJIAN TERHADAP BUKU FIXI

***Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Siti Nor Fazira Jono**

Pusat Pengajian Penulisan Kreatif
Fakulti Filem, Teater dan Animasi
Universiti Teknologi MARA
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: syuhaidi@salam.uitm.edu.my / drmohdsyuhaidi@gmail.com

Submission date: 15 Jan 2019 Accepted date: 30 April 2019 Published date: 10 May 2019

Abstract

Quality transformation strategy and publishing house branding strategy impacts all aspects of business. The objectives of this study were to investigate the quality transformation strategy and publishing house branding strategy of Buku Fixi. Qualitatively, this study has interviewed 10 informants consists of Buku Fixi's readers, writers and the management itself. Discussions were transcribed verbatim and imported into ATLAS.ti 4.2 software program. It was found that Buku Fixi has consistently upgrade their storytelling, language style and genre of a work as a part of their quality transformation strategy. In terms of publishing house branding strategy, Buku Fixi has decided on an elevated promotion via social media, a fixed logo and the rule of using online one-word title for each publication. It can be concluded that any publishing house needs to effectively manage its own brand as well as that of its authors and products, and social media seem to be a tool that will increase in importance for marketing and branding. Buku Fixi is one of those publishing companies that set advanced content and formats as an important goal.

Keywords: Quality transformation strategy, publishing house branding strategy

1.0 PENGENALAN

Transformasi yang dilaksanakan oleh penerbitan Buku Fixi merupakan sebuah penerbitan indie yang mengeluarkan karya baru serta bebas di dalam Buku Fixi. Transformasi yang berlaku berikutnya membawa satu kelainan yang luar biasa terhadap industri penulisan di Malaysia.

Bermulanya penerbitan Buku Fixi di Malaysia yang membangun pada penjenamaan tersendiri telah mengubah beberapa bentuk intipati didalam sebuah karya yang diterbitkan oleh Buku Fixi. Antaranya dari segi penggunaan gaya bahasa, genre dan jalan cerita.

Manakala bagi penjenamaan penerbitan pula, Buku Fixi menampakkan perubahan terhadap muka depan Buku Fixi, logo penerbitan, tajuk serta pemasaran yang dilaksanakan dalam penerbitan Buku Fixi.

Sharples (2004) menjelaskan penerbitan buku dalam industri dapat membawa kuasa baru dalam peningkatan penerbitan buku. Sebuah kesamaan penulisan sastera memberi sumbangan sekiranya industri dapat memberikan perkhidmatan terhadap penulisan tersebut.

Savoie (2017) mengatakan bahawa dalam pemahamannya sebuah penulisan yang baik biasanya digunakan dengan perkataan yang mudah disampaikan. Tidak semestinya menggunakan bahasa berbunga-bunga akan tetapi penyampaian yang disampaikan kepada pembaca merupakan peranan yang penting dalam sebuah penulisan. Tulisan atau idea yang ingin dinyatakan boleh dinyatakan dalam pelbagai cara dan matlamat seorang penulis juga harus dinyatakan dengan penyampaian idea yang baik serta mudah.

Menurut Tindall, Cunningham, Giles dan Devereaux (2013) dalam artikelnya *How To: Move Forward with a Brand Position* mengatakan setiap perlaksanaan dalam sebuah rancangan harus mempunyai penjenamaan dalam konsep tersebut kerana ia merupakan daya tarikan kepada pelanggan dan menjamin kedudukan jenama serta mempunyai sebuah jenama yang tersendiri dan berbeza dari yang lain.

Menurut Bernama (2016), dalam sebuah artikel *Karya Indie Dan Industri Penerbitan Buku Malaysia* menyatakan bahawa pernberbitan indie dilabelkan sebagai pembawa unsur-unsur negatif kepada masyarakat. Selain daripada itu, penerbitan indie juga di labelkan secara rambang terhadap golongan penulis seperti mereka sebagai seorang yang ambil mudah dengan penggunaan bahasa yang tidak baik, tatabahasa yang caca merba dan ayat yang kasar atau lucuah seterusnya ia telah menyebabkan hampir keseluruhan berbentuk kearah negatif.

Oleh itu, kajian ini akan merungkaikan setiap permasalahan melalui kertas kajian ini dengan menganalisis dan menyatakan faktor transformasi strategi kualiti dan penjenamaan penerbitan yang telah dilaksanakan oleh Penerbitan Buku Fixi. Melalui kertas kajian ini, setiap data yang diperolehi dan dibentangkan apakah transformasi Penerbitan Buku Fixi dalam industri penulisan kreatif.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Bab ini akan menjelaskan komponen transformasi strategi kualiti dan penjenamaan penerbitan Buku Fixi yang berkaitan serta kajian ini serta diikuti dengan hasil kajian terdahulu berkaitan penulisan industri kreatif. Oleh kerana kajian ini melibatkan pihak penerbitan Buku Fixi, maka dengan itu saya memperoleh tinjauan literatur melalui media-media akhbar dan cetak yang memperkatakan perubahan besar yang dilakukan oleh Penerbitan Buku Fixi dalam industri penulisan kreatif. Oleh itu, dalam bahagian ini terdapat beberapa sub topik bagi memudahkan pemahaman dan kajian ini berjalan dengan baik.

2.1 Strategi Kualiti Penerbitan

2.1.1 Gaya Penulisan Buku Fixi

Kebebasan bahasa dan gaya penulisan yang digunakan dalam karya seseorang mampu mengubah dunia penulisan kreatif yang sebenar. Justeru, kenyataan oleh penerbit indie, menurut Amir Muhammad (2018), menyatakan bahawa penulisan merupakan karya kreatif.

Karya kreatif melambangkan masyarakat pada masa tersebut. Penulis menghasilkan cerita berdasarkan apa yang berlaku disekeliling mereka terhadap sesuatu sikap masyarakat.

Menurut Azman Hussin (2016), dalam sebuah artikel di Utusan Online mengatakan secara rambang bahawa zaman yang serba moden dan kebebasan hak masyarakat dalam menyumbang idea terutama dalam hasil karyanya bukan lagi satu sekatan.

Perkara ini berlaku kerana, industri buku di Malaysia telah melahirkan ramai penulis baru. Di mana mereka telah menghasilkan sebuah buku atau karya mereka tersendiri berdasarkan apa yang berlaku disekeliling mereka.

Seterusnya menurut Friedman (2013), kebanyakkan penulis sedar bahawa industri penerbitan sedang menjalani satu transformasi yang bermula dengan sesuatu yang baharu. Perubahan yang dilaksanakan kemungkinan akan menyukarkan dan kesukaran dalam memahami perubahan tersebut adalah satu masalah yang harus dihadapi.

Menurut Amir Muhammad (2016), telah menyatakan bahawa penerbit indie perlu mengawal keadaan agar ia tidak terkongkong dan semangat kebebasan dalam berkarya. Justeru membentuk penulisan yang baik. Dalam masa yang sama, matlamat penerbit indie adalah untuk memperkayakan industri penerbitan dan menghasilkan buku yang lebih menarik kepada pembaca.

Bagi penerbitan Buku Fixi, satu perubahan yang dibawa adalah dari segi jalan cerita dan kualiti karya tersebut yang berbeza antaranya ialah sains fiksyen, ganas dan kejam, lawak mahupun penyiasatan.

Sebuah kajian lepas iaitu Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia, menurut Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnini (2016), menyatakan penerbitan syarikat baru yang terus mencanak naik dalam industri penulisan buku mula mendapat perhatian beberapa syarikat di Malaysia.

Syarikat tersebut kini telah menjadi saingen yang hebat kepada syarikat-syarikat penerbitan yang lain dalam melahirkan sebuah karya yang terbaik. Antara kategori yang terlaris buat masa ini di pasaran seluruh Malaysia adalah buku yang bersifat indie yang mula mendapat tempat di hati pengguna.

Hal ini telah menyebabkan keseluruhan pasaran di Malaysia dikuasai oleh penulis dan karya yang bersifat indie. Perubahan yang drastik terhadap penerbitan indie ini merupakan satu langkah baru dalam menaikkan industri penerbitan karya yang lebih kreatif untuk masa akan datang.

Seterusnya hasil kajian lepas, menurut Zulkiply Omar (2015), menyatakan perkembangan industri buku tempatan sejak akhir-akhir ini telah menujukkan minat rakyat Malaysia untuk membaca semakin meningkat.

Maklumat dari kajian ini adalah hasil daripada kajian Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2005. Perubahan yang terlaksana telah membantu industri dalam bidang penulisan ke arah yang lebih baik kerana dapat memupuk sebuah masyarakat yang santai dan gemar membaca.

Dengan itu, pemintaan dalam penerbitan buku juga secara tidak langsung telah mengalakkan penerbitan untuk mengeluarkan buku yang lebih bermutu.

2.1.2 Penerbitan Luar Negara Lebih Maju

Harlequin (2018), menyatakan bahawa transformasi terhadap genre dalam sebuah karya telah berlaku sekitar tahun 1990 dengan bermula pada subgenre.

Dan dengan itu, karya tersebut telah hantar lebih daripada 100 buah negara yang mempunyai 30 bahasa buku-buku berdasarkan pelbagai subgenre yang dikeluarkan oleh HarperCollins.

Menurut Harlequin, pada tahun 1994 pula pengeluaran buku-buku yang mempunyai pelbagai genre yang berbeza dari HarperCollins telah memperluaskan dalam sebuah karya antaranya ialah action, paranormal, thriller, romantic, noir dan sebagainya.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan diatas, dapat dilihat perbezaan antara negara luar dengan Malaysia mempunyai jurang yang sangat tinggi terhadap penerbitan buku yang dikeluarkan oleh penerbitan Malaysia.

Kajian ini amat bersesuaian untuk dijadikan sebagai garis panduan, sebab transformasi yang dilaksanakan oleh penerbitan buku dalam industri penulisan kreatif.

2.2 Transformasi Penjenamaan Penerbitan

Menurut Zaitie Satibi (2017), Yayasan pembangunan Buku Negara telah melancarkan anugerah telenovela sejak tahun 2003 dengan misi untuk membangunkan pengiat industri buku yang berdisiplin, bertanggungjawab, dinamik, budaya, berdikari dan berkemimpinan yang tinggi dalam industri buku di Malaysia.

Dengan pencapaian yang diperolehi industri buku boleh mencapai ke peringkat global dan meningkatkan koleksi sumber yang ada di Malaysia ke seluruh negara yang berterusan dan bersepada.

Menurut Tom Blackett (2003), dalam memberitahu kesedaran dalam sesuatu jenama merupakan satu gabungan dari sesuatu nama, simbol, nombor, slogan, warna dalam membangunkan jenama tersendiri.

Penjenamaan yang berjaya adalah sebuah penjenamaan yang berdiri atas nama sendiri oleh kerana setiap eleman yang membangun di atas jenama tersebut adalah sebuah jenama yang diterbitkan.

Menurut Mihaela Culea (2012), beliau telah membincangkan tentang pemasaran buku terhadap penjenamaan identiti, penjenamaan institusi, penjenamaan korperat, dan sebagainya di dalam kajian beliau.

Tetapi penjenamaan terhadap buku tidak dibincangkan walhal dapat dilihat buku semakin mendapat tempat dikalangan pembeli, terutamanya jenama tertentu. Kertas kajian tersebut telah melihat strategi semasa untuk buku dan penjenamaan pengarang.

Beliau juga mempunyai kerangka konsep tersendiri untuk membantu beliau menjalankan kajian terhadap penjenamaan buku ini. Kajian ini menyentuh aspek penerbitan literatur, penerbitan moden, dan budaya penerbitan, pendekatan dan penggunaan pemasaran, budaya produksi, dan kajian budaya secara umum.

Seterusnya menurut Simple Measured (2015), syarikat-syarikat yang merentasi dalam industri perniagaan seperti perbankan dan perkhidmatan kewangan, fesyen dan pendidikan penerbangan, kereta dan banyak lagi telah menggunakan media sosial dengan lebih manfaat untuk pemasaran.

Penggunaan media sosial adalah untuk mempromosi jenama, produk, perkhidmatan dan sebagainya kepada dunia luar.

3.0 KERANGKA KONSEP

Kerangka konsep ini merupakan elemen yang sangat penting dalam membahagikan soalan-soalan dan menjawab kepada permasalahan kajian ini. Dengan adanya kerangka konsep, penyelidikan dan analisis data mudah difahami dan merungkaikan permasalahan yang dibentangkan dalam kajian ini.

Untuk kajian ilmiah yang akan dijalankan ini, sebuah kerangka konsep baru telah disediakan. Kerangka konsep ini telah dibina atas maklumat yang didapat daripada tinjauan kajian lepas iaitu telah dinyatakan sebelum ini.

Kajian ini telah membahagikan tinjauan kajian lepas kepada beberapa tajuk untuk memudahkan penyediaan kerangka konsep ini.



Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian Ini

Kerangka konsep adalah untuk memfokuskan kajian yang dijalankan bagi tidak terkeluar dari aspek kajian yang telah ditetapkan. Dalam penyelidikan ini, kajian ini akan mendapatkan apakah transformasi strategi kualiti dalam penerbitan Buku Fixi.

Dalam kerangka konsep, kajian mendapatkan maklumat berkenaan dengan transformasi strategi kualiti yang telah dilakukan di dalam penerbitan Buku Fixi.

Seterusnya, untuk transformasi penjenamaan penerbitan terhadap Buku Fixi merupakan salah satu kajian yang ditekankan kajian ini. Kerana kajian ini akan mencari faktor transformasi yang berlaku sehingga penjenamaan Buku Fixi menjadi satu sasaran dalam industri penulisan pada saat ini.

Oleh itu, setiap kajian yang dilakukan melalui temu bual, tinjauan literatur dan kerangka konsep juga sangat membantu agar kajian ini dapat diselesaikan bersama dengan informasi yang telah diperolehi melalui kajian ini.

4.0 KADEAH KAJIAN

4.1 Dapatan Kajian

4.1.1 Ciri-Ciri Responden

Berdasarkan ciri-ciri demografi yang terpilih dalam kajian ini, informan yang diperolehi terdiri daripada 3 kelompok iaitu dari pembaca buku Fixi, penulis buku Fixi dan penerbit buku Fixi.

Dengan pembahagian ini iaanya akan memudahkan kajian menjawab permasalahan yang dibentangkan. Kajian ini mempunyai 10 orang informan yang memberi jawapan tepat kepada setiap permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini.

4.1.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah satu alat yang boleh digunakan untuk menjalankan sesuatu penyelidikan kajian tersebut. Instrumen kajian juga merupakan asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikehendaki dalam analisis kajian ini untuk mencapai objektif dalam kajian ini.

Kaedah yang digunakan dalam kertas kerja ini adalah kaedah temu bual dan menganalisis maklumat yang diperolehi.

Oleh itu, penyelidikan ini telah memperoleh seramai 10 orang informan yang merangkumi seorang penerbit Fixi yang akan di temu bual, seterusnya penulis Buku Fixi dan pembaca Buku Fixi.

Temu bual ini dilakukan secara tidak rawak kerana kajian ini memilih kelompok yang boleh membantu mendapatkan hasil kajian ini dengan tepat dan membantu memperoleh sepenuh perhatian terhadap kajian yang dijalankan.

Untuk instrumen kajian ini, penyelidikan ini memperolehi 10 orang informan bagi mengukuhkan kajian yang dilaksanakan oleh kajian yang dijalankan. Oleh itu, hasil temu bual dan maklumat yang diperolehi oleh informan penyelidikan ini dapat dijalankan dengan baik seterusnya mencapai objektif kajian ini.

Kaedah temu bual yang dilakukan terhadap kumpulan fokus yang telah dipilih oleh kajian ini terhadap pemilihan informan tersebut. Dengan kaedah pengumpulan data ini, penyelidik akan menemubual informan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dalam objektif dan permasalahan kajian ini.

Setiap maklumat yang diperolehi oleh informan ketika temu bual merupakan data yang penting dalam kajian ini.

Oleh itu, kajian ini harus mendalami pemahaman lebih luas terhadap topik kajian yang dijalankan dan bersifat terbuka. Ini kerana adalah untuk memastikan soalan temu bual dapat menyumbang peleraian terhadap permasalahan kajian ini dan mencapai objektif kajian yang dijalankan.

Oleh itu, bagi memperolehi data dan maklumat dari temu bual yang dijalankan. Kajian ini akan diteruskan dengan dua kaedah yang akan merumuskan segala jawapan dalam persoalan di awalan kajian ini.

Kaedah yang digunakan ialah kaedah temu bual secara berdepan (*Personal Interview Face to Face*) dan menggunakan bahan ilmiah sebagai menguat sokongan jawapan dalam kajian ini.

4.1.3 Perisian Atlas.ti

Kajian ini menggunakan perisian Atlas.ti di akhir pengumpulan data daripada informan bagi menyesuaikan data mengikut objektif kajian.

4.2 INFORMAN

Seperti yang dinyatakan di dalam instrumen kajian, sebanyak 10 orang informan telah ditemubual. Berikut adalah jadual maklumat setiap informan.

Jadual 1. Senarai Informan

Informan	Nama	Butiran
1	Amir Muhammad	Penerbit Buku Fixi
2	Muhammad Fatrim	Penulis Buku Fixi
3	Shaz Johar	Penulis Buku Fixi
4	Syafiq Aizat	Penulis Buku Fixi
5	Nadia Khan	Penulis Buku Fixi
6	Nur Syuhaidah Ayub	Pembaca Buku Fixi
7	Nor Afiqah Hamidon	Pembaca Buku Fixi
8	Nadia Mustaffa	Pembaca Buku Fixi
9	Nur Hanisah Mohd Alwi	Pembaca Buku Fixi
10	Fakhriatul Mustafa	Pembaca Buku Fixi

5.0 HASIL KAJIAN

Hasil temu bual dan data yang diperolehi dari informan bagi kajian transformasi strategi kualiti dan penjenamaan penerbitan Buku Fixi terbahagi kepada dua persoalan dan setiap persoalan tersebut telah dianalisis data mengikut pecahan persoalan dalam kajian ini.

5.1 Apakah Strategi Kualiti Yang Dilakukan oleh Penerbitan Buku Fixi?

Menurut Friedman (2013), ramai penulis sedar akan industri penerbitan sedang menghadapi satu transformasi yang bermula dengan sesuatu yang baharu.

Perubahan yang berlaku berkemungkinan akan menyukarkan dan kesukaran dalam memahami perubahan tersebut adalah satu masalah yang harus dihadapi.

Kenyataan diatas disokong oleh beberapa informan berdasarkan temu bual dalam kajian ini. Penerimaan terhadap perubahan yang dilaksanakan dalam industri karya kreatif memang sukar untuk diterima dengan baik oleh masyarakat.

Kajian ini telah membuktikan kenyataan diatas melalui informan 1, beliau yang merupakan penerbit Buku Fixi mendapat kritikan dari beberapa individu terhadap penggunaan bahasa yang digunakan dalam Buku Fixi seperti bahasa yang agak kasar, lucah dan kesat.

Penulisan di Buku Fixi tidak mengamalkan syarat DBP di dalam karya yang dihasilkan oleh penulis Fixi. Perkara ini kerana perubahan dalam industri penulisan ingin masyarakat melihat kepelbagaiannya dalam penulisan dan memberi pengetahuan yang meluas kepada masyarakat terhadap kualiti penceritaan yang lebih baik.

Dengan memberi kebebasan dan kepercayaan kepada penulis untuk menghasilkan karya daripada pandangan mata penulis sendiri.

Namun berdasarkan maklumat dari informan 7, walaupun karya Fixi ada menggunakan bahasa yang santai dan senang untuk faham tetapi jika dilihat penggunaan bahasa Buku Fixi lebih kasar berbanding dengan LejenPress yang lebih menggunakan bahasa yang lebih cantik.

Apa yang pasti bahasa kasar atau Bahasa Pasar yang digunakan dalam Buku Fixi merupakan bahasa interaksi yang digunakan oleh masyarakat sekarang.

Selain itu, informan 8 menyatakan bahasa yang digunakan dalam Buku Fixi mudah faham, tidak mendalam dan tidak terlalu sukar untuk difahami makna yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Tambahan lagi, kenyataan yang mengkritik Buku Fixi terhadap gaya penulisan dan bahasa mereka yang digunakan seolah-olah bahasa kasar, kesat dan lucah merupakan bahasa yang tidak sesuai digunakan dalam industri penulisan.

Namun menurut informan informan 10 mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam Buku Fixi adalah Bahasa Pasar namun mereka lebih tulus.

Penggunaan bahasa campur Melayu-English menjelaskan cerita tersebut lebih realiti. Begitu juga maklumat yang diperolehi dalam kajian ini, informan 6 mengatakan bahawa bahasa dalam Buku Fixi mudah difahami dan senang dibaca, santai serta Fixi tidak mengitalikan perkataan English.

Bahasa yang digunakan merupakan bahasa masyarakat zaman sekarang berkomunikasi.

Walau bagaimanapun, menurut Brenda Savoie (2017), berdasarkan artikelnya, sebuah penulisan yang baik biasanya digunakan dengan perkataan yang mudah disampaikan. Tidak semestinya menggunakan bahasa berbunga-bunga akan tetapi penyampaian yang disampaikan kepada pembaca merupakan peranan yang penting dalam sebuah penulisan.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan diatas jelas mendapati bahawa penggunaan bahasa yang indah tidak menjamin kualiti penceritaan yang ada di dalam karya tersebut.

Maka dengan itu, perubahan yang dilakukan di dalam Buku Fixi terhadap penggunaan gaya bahasa dalam karya tersebut telah menarik masyarakat membaca Buku Fixi. Ini kerana, gaya bahasa yang digunakan adalah penggunaan bahasa seperti masyarakat berkomunikasi sesama sendiri.

Jadi ini bukan satu permasalahan yang dilakukan dalam industri kreatif oleh penerbitan Fixi namun ini merupakan sebuah perubahan yang luar biasa.

Penggunaan gaya bahasa yang digunakan dalam Buku Fixi seperti Bahasa Slanga, Bahasa Pasar dan Bahasa Rojak dan sebagainya merupakan bahasa yang senang untuk difahami oleh pembaca.

Selain daripada pada itu, Bahasa Slanga, Bahasa Rojak serta Bahasa Pasar yang digunakan dalam Buku Fixi dapat menjiwai watak dan cerita yang dibawa oleh karya tersebut kepada pembaca berdasarkan informan 10.

Demikian juga, informan 1 menguatkan lagi kenyataan bahawa penulisan merupakan karya kreatif yang melambangkan masyarakat pada masa itu. Penulis menghasilkan cerita berdasarkan apa yang berlaku disekeliling mereka terhadap sikap masyarakat.

Difikirkan lebih panjang untuk masa akan datang, kemungkinan Fixi merupakan satu bahan rujukan untuk masyarakat pada masa akan datang yang mengetahui sikap masyarakat pada masa ini.

Jelas dapat dilihat, penerbit Fixi berfikiran terbuka untuk memikirkan masa akan datang. Penerbitan Buku Fixi menjadikan platform buku atau novel sebagai masyarakat sedar akan situasi yang berlaku pada masa tersebut.

Ini dalam dilihat dengan jelas bahawa Fixi berfikiran terbuka dan memberi ruang kepada penulis berkarya dan menghasilkan buku yang bermanfaat.

Selain itu, penulis juga menggunakan peluang yang ada dengan menggunakan platform buku sebagai mereka berkongsikan cerita terhadap isu disekeliling mereka.

Tambahan dari informan 3 turut mengatakan bahawa ada sesetengah pihak mengatakan kemunculan Fixi telah mengeluarkan unsur-unsur negatif. Namun dalam masa yang sama pihak tersebut tidak faham apa yang hendak disampaikan oleh penulis di dalam penulisan kreatif.

Ini bermakna perubahan dalam industri penulisan kreatif tidak semudah yang dijangka.

Pengetahuan masyarakat yang tidak mendalam terhadap industri kreatif telah membuatkan industri penulisan di Malaysia kurang mendapat sambutan berbanding dengan penerbitan di negara luar yang bersifat terbuka dengan penerimaan perubahan dalam industri karya kreatif.

Oleh itu, untuk mengelakkan kesalahfahaman antara individu terhadap penulisan Buku Fixi, manifesto Fixi dilakukan oleh kerana kekecohan dari beberapa individu yang terabit mula menjatuhkan nama Fixi oleh kerana Fixi menggunakan bahasa kasar dalam buku serta tidak bersesuaian dengan kanak-kanak untuk membaca.

Jadi dengan itu, manifesto yang dilaksanakan adalah untuk memberi kepercayaan kepada pembaca bahawa sesiapa yang matang sahaja yang boleh membaca berdasarkan kenyataan dari informan 3.

Terus disokong kuat oleh informan 1 terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh informan 3.

Demi menyelamatkan novel-novel penulisan yang telah terkenal dengan masyarakat terhadap karya mereka, penerbit Fixi telah mengambil tindakan meletakkan tag “untuk pembaca matang” supaya tidak disalah anggap oleh pihak luar.

Seterusnya disokong oleh informan 6 berpendapat bahawa tagline “untuk pembaca matang” berdasarkan diri sendiri terhadap penerimaan mereka kepada buku tersebut.

Tidak semua Buku Fixi yang mereka keluarkan cerita yang berat namun sebaliknya ada cerita yang ringan walaupun buku mereka lebih gelap isinya tetapi masih boleh dibaca oleh kanak-kanak.

Kenyataan dari penulis Buku Fixi yang merupakan informan 2 menyokong pendapat dari informan 6 dengan mengatakan bahawa karya yang dihasilkan hanya memfokuskan kepada pelajar sekolah dan sekolah.

Seterusnya informan 2 menambah lagi kenyataan, bahawa buku yang dikeluarkan oleh dirinya hanya berkisahkan hal sekolah atau hal remaja sekarang dan salah satunya karya yang dihasilkan dapat memberi manfaat serta mengalakkkan remaja dan pelajar sekolah kembali dengan budaya membaca semula. Menurut informan 2, dengan membaca pelajar sekolah dan remaja dapat mengetahui pengetahuan yang meluas terhadap sesuatu perkara dan membantu penyokong industri penulisan kreatif untuk masa akan datang.

Berdasarkan kenyataan diatas, dengan gaya penulisan yang menarik dan memberi manfaat kepada pembaca ianya secara tidak langsung membantu menaikkan industri penulisan kreatif dengan lebih baik.

Secara dasarnya, setiap karya memainkan peranan yang penting terhadap sesuatu pengisian yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Ini jelas dengan karya yang baik dan mampu memberi pengajaran kepada pembaca terhadap penulisan di Buku Fixi mampu mengembalikan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia.

Dengan itu, berdasarkan informan 7 menyatakan penulisan yang ditulis oleh penulis merupakan seni yang sukar untuk orang lihat namun dengan membaca buku tersebut jelas pada realitinya Fixi menampilkan perubahan yang mempunyai gaya tersendiri dalam penulisan yang bersifat berani terhadap penceritaan mereka untuk menarik minat masyarakat dan salah satunya adalah golongan remaja untuk terus membaca.

Berdasarkan informan 7, gaya tersendiri yang dilakukan oleh penerbitan Fixi satu langkah yang berani dalam dunia penulisan. Antara gaya tersendiri yang dilaksanakan dalam Fixi ada dari segi gaya penulisan mereka dalam Buku Fixi.

Kenyataan ini disokong oleh informan 1 yang mengatakan gaya Pulp Fiction merupakan contoh penerbitan Fixi dalam menerbitkan Buku Fixi yang dikategorikan sebagai cerita jenayah, misteri dan sesuatu yang tidak mendalam.

Tambahan lagi, dengan memberi kebebasan kepada penulis untuk menghasilkan genre dalam karya mereka, bahasa yang digunakan serta jalan cerita yang dihasilkan adalah berkualiti dan setanding dengan pasaran dalam industri penulisan yang boleh membawa sesuatu yang menarik.

Informan 5 menyatakan Fixi mempunyai fokus terhadap jalan cerita yang menarik dengan memberi kebebasan menulis secara realiti dan selari dengan watak yang dibawa oleh penulis kepada pembaca.

Menjadi seorang penulis akan berasa selesa dengan diberi kebebasan dalam berkarya dengan menyampaikan cerita menggunakan Bahasa Selamba, Pasar, Slanga dan sebagainya.

Informan 2 juga turut menyatakan bahawa penerbitan Fixi tidak mentetapkan gaya penulisan dan jalan cerita yang dihasilkan oleh penulis Fixi.

Ini bermakna, jelas dapat dilihat dengan perubahan yang dilaksanakan penerbitan Buku Fixi terhadap jalan cerita yang mereka sampaikan melalui buku tidak disekat cerita mereka malah memberi peluang penulis berkarya dengan baik.

Informan 1, mengatakan penulis Buku Fixi menghasilkan jalan cerita yang sangat realistik. Mengolah sebuah cerita terhadap isu-isu yang berlaku disekeliling masyarakat.

Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan dari penulis Fixi iaitu informan 2, bahawa sebagai penulis akan mengeluarkan cerita yang agak ringan dan menjadikan sesuatu isu sekeliling yang tidak dapat dengan jelas oleh masyarakat yang berlaku pada realitinya.

Namun, untuk menghasilkan cerita yang menarik, penulis Buku Fixi akan mendalam dan menyelidik kisah yang dibawa dalam buku mereka dengan lebih mendalam dan seterusnya merancang plot penceritaan dengan lebih jelas agar pembaca faham dan dapat pangajaran yang disampaikan kepada pemabaca.

Kenyataan dari informan 2, turut disokong dengan jelas oleh informan 5 dan juga informan 6 yang merupakan penulis Buku Fixi.

Berdasarkan informan 5, sebagai seorang penulis akan memastikan karya yang terbaik kepada pembaca adalah dari isi kandungan cerita dalam buku tersebut dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan sekali gus menyumbang perubahan dalam industri penulisan Malaysia.

Bagaimana pula, informan 3 pula menyatakan hanya memfokuskan pada jalan cerita, bahasa perbualan harian digunakan dalam novel dan menggunakan bahasa tinggi.

Informan 3 berpendapat bahawa dengan cara tersebut pembaca akan dapat merasakan intipati yang diletakkan dalam cerita agar lebih difahami dan jelas yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca.

Pembaca Buku Fixi yang merupakan sebagai informan 6 mengatakan bahawa penceritaan yang ditulis oleh penulis seolah-olah benar berlaku dan penceritaan di dalam Buku Fixi kebanyakannya cerita yang disampaikan masuk ke dalam jiwa pembaca.

Hasil dapatan kajian ini, dapat dilihat secara ringkas perubahan yang dilaksanakan dalam penceritaan Fixi banyak memberi pengajaran atau manfaat kepada pembaca.

Bukan itu sahaja, sasaran mereka juga menghasilkan karya mereka adalah untuk kanak-kanak, remaja dan pelajar sekolah. Ini telah membuktikan, perubahan cerita yang agak santai dan bahasa yang digunakan dalam Buku Fixi telah menambat hati pembaca dengan karya yang dihasilkan oleh penulis.

Kenyataan diatas jelas menceritakan tentang gaya bahasa dan jalan cerita yang diubah oleh Fixi dengan penghasilan karya penulis Fixi terhadap industri penulisan.

Teknik dan strategi Fixi untuk mengubah industri penulisan kreatif mencapai sasaran apabila penulis Fixi mengubah gaya penceritaan mereka dengan lebih menarik dan berkualiti kepada pembaca.

Berdasarkan informan 3, penulis menggunakan plot twist dan merancang sesuatu cerita di luar pemikiran manusia dalam karya yang dihasilkan untuk mendapatkan kelainan dan ini merupakan strategi bagi menarik pembaca membaca Buku Fixi.

Ia juga disokong oleh informan 7 mengatakan Buku Fixi lebih menarik kerana mempunyai jalan cerita dan pengakhiran cerita dengan kewujudan plot twist.

Ini merupakan satu tarikan penulis untuk pembaca membaca karya mereka dengan menggunakan setiap jalan cerita dihasilkan menarik dan diluar jangkaan pembaca terhadap situasi dalam penceritaan tersebut.

Tambahan dari informan 8 turut mengatakan bahawa penceritaan di Buku Fixi mempunyai plot twist, tidak cliché dan pembaca tidak dapat jangka pengakhiran cerita itu.

Pembaca Buku Fixi menyatakan bahawa dapat merasakan keadaan realiti kehidupan yang sebenar hasil membaca karya tersebut dan tidak dinafikan penulis Fixi juga pandai bermain dengan penulisan dalam cerita mereka sehingga pembaca harus menamatkan membaca buku tersebut untuk mengetahui keadaan atau situasi sebenar dalam cerita itu.

Ini juga turut disokong oleh penulis iaitu informan 5 mengatakan bahawa penulis Fixi meletakkan watak sebagai daya tarikan dalam cerita tersebut dan membawa pembaca merasakan cerita itu merupakan kejadian dalam kehidupan sebenar berlaku.

Bukan itu sahaja, informan 8 mengatakan bahawa penulis membuatkan pembaca Buku Fixi seolah-olah membawa pembaca lebih dekat dengan situasi yang berada dalam cerita tersebut.

Jelas kejayaan yang dilaksanakan oleh informan 5 untuk memberi pendekatan dalam penulisan di Buku Fixi telah membuatkan pembaca merasakan cerita yang dibawa dalam keadaan yang sebenar.

Ini merupakan jalan cerita yang ditulis oleh penulis memberi kesan kepada pembaca.

Seterusnya informan 9 juga turut mengatakan bersetuju dengan informan 8 bahawa jalan cerita yang menarik di dalam Buku Fixi dapat dirasakan mereka membaca dengan dalam masa yang sama mereka dalam situasi sebenar.

Maka dengan itu, kajian ini terbukti secara jelas dengan perubahan yang diubah melalui jalan cerita di dalam Buku Fixi telah menarik minat pembaca dan memberi daya tarikan yang luar biasa dengan maklumat daripada informan terhadap penerimaan jalan cerita di dalam Buku Fixi.

Selain itu, informan 10 juga menyatakan di dalam Buku Fixi jalan ceritanya agak mencabar untuk difahami, dan tidak ringan tetapi cerita yang berat di dalam buku itu membuatkan pembaca untuk menghabiskan membawa untuk mengetahui pengakhiran cerita tersebut bagaimana.

Informan 10 menambah, walaupun terasa mencabar untuk memahami jalan cerita tersebut tetapi sebagai pembaca ianya agak menarik kerana kelainan yang dilakukan diluar jangkaan pemikiran pembaca serta mempunyai plot twist yang menarik.

Secara jelasnya cerita di dalam Buku Fixi menyampaikan kepada pembaca secara “*straight to the point*” dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembaca dan jalan cerita di dalam Buku Fixi juga tidak terpesong dengan tajuk di dalam buku itu.

Ini merupakan kelebihan yang ada dalam Buku Fixi, dengan memfokuskan cerita yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Kenyataan ini dari informan 6 dan disokong dengan informan 10 mengatakan bahawa cerita di dalam Buku Fixi *straight forward* dan tidak membosankan pembaca terhadap content yang disampaikan kepada pembaca.

Informan 5 menyatakan sebagai seorang penulis Fixi, untuk menghasilkan cerita yang seronok dan menarik sesuatu kelainan yang dilakukan adalah dengan cara mengabungkan cerita yang *glad* and *balance mainstream* merupakan gabungan yang seimbang dan cukup dari segi penggunaan gaya bahasa dan cerita.

Dengan itu, kenyataan oleh informan 6 memberitahu bahawa penulis Buku Fixi lebih berani menyentuh isu sosial, dan cerita di dalam buku tersebut ada menyentuh hal sensetiviti seperti hal yang berdekatan dengan isu sekeliling masyarakat sebagai contoh kes liwat, LGBT dan banyak lagi cerita yang boleh memberikan pangajaran dan pandangan dari segi positif boleh diambil terhadap isu dan cerita yang dibawa dalam penulisan Buku Fixi.

Tambahan informan 5 lagi menguatkan kenyataan diatas dengan mengatakan bahawa isu seperti ini yang harus dibawa dalam dunia penulisan.

Keberanian penulis menulis isu semasa yang berlaku di Malaysia dan yang pastinya masyarakat menerima isi di dalam buku tersebut merupakan situasi yang dekat berlaku dengan sekeliling masyarakat.

Informan 8 menyokong kenyataan dari informan 5 dengan mengatakan bahawa, “*the novel is about urban situation*, sebab dalam novel tu banyak cerita tentang budak-budak urban, budak-budak zaman melemenia” (Nadia Mustaffa, Pembaca Buku Fixi, 27 Ogos 2018)

Ini menunjukkan bahawa penulis membawa cerita dan isu di dalam buku itu berdasarkan sesuatu perkara yang benar. Informan 8 juga turut mengatakan penulis Buku Fixi menceritakan sesuatu yang real dengan mengwujudkan babak dimana remaja yang suka lepak di Danau atau di kedai makan tepi jalan.

Dan itu merupakan satu sikap remaja sekarang yang kadangkala menghabiskan masa bersama kawan di kedai makan tepi jalan.

Apa menariknya, Fixi tidak menceritakan sesuatu isu atau kisah yang direka dengan sendiri tetapi menceritakan kisah yang berlaku di sekeliling masyarakat.

Maklumat yang diperolehi oleh informan di atas, telah membuktikan dalam kajian strategi kualiti yang pertama tercapai dengan perubahan yang dilakukan dalam industri penulisan kearah lebih baik walaupun sangat mencabar untuk diterima oleh masyarakat.

Namun, seperti diatas informan 6 dan 8 sangat menyokong dan memberi maklum balas yang bersetuju akan corak jalan cerita yang diubah oleh penerbitan Fixi dengan menggunakan gaya *Pulp Fiction* merupakan yang terbaik dalam industri penulisan kreatif dengan penghasilkan karya dalam Buku Fixi sangat realistik.

Secara keseluruhan terhadap perubahan jalan cerita dalam Buku Fixi telah mendapat sokongan dan pendangan yang positif dari informan.

Karya penulis yang hebat dan menarik sememangnya amat mengalakkkan remaja membaca buku tersebut. Dengan kebolehan dan strategi penulis mencipta jalan cerita di dalam Buku Fixi tersebut seolah-olah merupakan satu situasi yang sebenar berlaku.

Oleh itu, menurut Azman Hussin (2016), telah menyatakan di dalam artikelnya secara rambang bahawa zaman yang serba moden dan masyarakat yang mempunyai kebebasan hak menyumbang idea dalam hasil karyanya bukan lagi satu sekatan.

Ini kerana, industri penulisan kreatif di Malaysia telah melahirkan ramai penulis baharu yang mempunyai karya mereka tersendiri melalui isu di sekeliling mereka.

Sokongan dalam strategi kualiti yang dilakukan oleh penerbitan Buku Fixi ini juga, penerimaan genre merupakan strategi Fixi yang diubah dalam Buku Fixi telah mendapat *feedback* yang baik dengan maklumat diperolehi oleh informan 2 menyatakan bahawa Buku Fixi kebanyakannya penulis menceritakan didalam Buku Fixi dengan genre yang banyak antaranya genre *thriller*, *horror*, *mistic* dan beberapa lagi genre yang digabungkan menjadi satu genre yang lain.

Ini kerana pemilihan genre yang banyak merupakan pengaruh cerita yang dihasilkan oleh penulis kerana penulis memilih untuk menceritakan kisah urban dan kesemuanya mengisahkan kehidupan yang berlaku di dalam era zaman ini. Informan 2 turut memberitahu bahawa untuk menghasilkan karya, gabungan genre dalam cerita yang dihasilkan perubahan teknik yang terbaik dalam penulisan supaya kelihatan jalan cerita tersebut lebih menarik kepada pembaca.

Seterusnya menurut informan 8, pada permulaan Buku Fixi banyak mengeluarkan genre seram dan *thriller*. Namun sekarang Fixi telah banyak mengeluarkan genre yang pelbagai antaranya genre mistik, biografi seperti Buku Lendu yang mengisahkan kisah seram di UiTM Lendu dan sejarah Lendu.

Ini merupakan satu pendedahan oleh penulis yang lebih meluas kepada pembaca dan merupakan strategi penulis untuk menarik remaja kembali kepada pembaca.

Ini merupakan satu perubahan yang ketara dilakukan oleh penulis dalam karyanya dengan mewujudkan kepelbagaian genre dan tidak hanya memfokuskan kepada satu genre sahaja.

Kenyataan dari informan 8 dipersetujui oleh informan 7, Buku Fixi mempunyai genre yang pelbagai antaranya *horror*, *thriller*, *action* dan penulis Buku Fixi kurang menggunakan genre *romance*.

Dengan mempunyai pelbagai genre, pembaca boleh membuat pilihan untuk membaca genre yang diminati.

Oleh itu, berdasarkan informan 7 ianya disokong kuat oleh informan 10 yang mengatakan bahawa genre misteri merupakan pilihan buku yang diminati untuk membaca dan penulis juga menghasilkan cerita yang realiti terhadap kehidupan masyarakat sekarang yang semakin sakit dengan era kemodenan dan bukan sekadar hanya cerita yang indah-indah sahaja.

Kajian ini mendapati bahawa kenyataan yang diperolehi informan 8 terhadap perubahan dalam kepelbagaian disokong kuat oleh informan 6, bahawa menggunakan kepelbagaian genre merupakan daya tarikan pembaca terhadap karya penulis.

Dan penulis juga berhasil memainkan peranan mereka sebagai penulis yang baik.

Namun, menurut informan 5 Fixi mempunyai sasaran sendiri untuk hasilkan karya yang urban dan *contemporary*. Penerbit memberi kebebasan kepada penulis untuk menghasilkan cerita yang tidak terikat dengan genre dan jalan cerita yang kualiti.

Ini merupakan satu perubahan Fixi terhadap jalan cerita di dalam FIXI dan seterusnya terhadap kandungan cerita yang disampaikan kepada pembaca.

Jelas daripada hasil kajian ini berdasarkan maklumat dari informan, dengan kebebasan penulis berkarya dalam penulisan mereka cerita yang dihasilkan lebih menarik dan realistik dengan isu-isu sekeliling masyarakat.

Walau bagaimanapun, informan 5 berpendapat sebagai seorang penulis genre bukanlah sesuatu yang utama dalam cerita tersebut akan tetapi watak yang dibawa dalam cerita tersebut dan plot dalam penceritaan yang dibawa dan disampaikan kepada pembaca merupakan peranan yang penting dalam setiap karya tersebut.

“Saya tidak mementingkan genre tapi bagi saya jalan cerita dan juga isu yang dikemukakan dalam cerita kepada pembaca.”

Informan 5

Secara keseluruhan, berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu transformasi strategi kualiti dalam Buku Fixi telah mencapai objektif penyelidikan ini.

Hasil daripada temu bual bersama informan., kajian ini dapat mengetahui bahawa strategi kualiti dalam penerbitan Buku Fixi dari bermula dengan isu gaya bahasa dan juga gaya penulisan dalam buku tersebut.

Maklumat yang diperolehi dari informan telah disokong kuat oleh beberapa pihak.

Menurut Bernama (2016), Karya Indie dan Industri Penerbitan Buku Malaysia satu kelahiran karya sastera arus perdana merupakan satu simbol terhadap perkembangan positif dalam industri penerbitan di Malaysia.

Setelah beberapa tahun penerbitan hanya menghasilkan sebuah karya dengan genre-genre tertentu sahaja. Namun dengan penerbitan indie telah memberi peluang kepada penulis-penulis baharu mengubah industri kreatif kearah lebih baik.

Dan secara keseluruhan, menurut Amir Muhammad (2018), kenyataan yang dikeluarkan berkenaan dengan perspektif penerbitan di Malaysia hanya menganggap wanita sahaja atau penulis yang berpengalaman sahaja boleh diterbitkan.

Kenapa perkara ni harus berlaku dan ada dalam fikiran masyarakat untuk menghasilkan karya. Jika dilihat perkembangan dunia penulisan di luar negara, mereka lebih hebat dalam pengeluaran buku dan ramai penulis lelaki yang menghasilkan karya yang baik berbanding perempuan.

Jadi saya nak lihat perubahan dalam industri penulisan yang lebih hebat seperti di luar negara dengan memberi kekebebasan terhadap siapa diri penulis dan penulisan karya mereka yang pelbagai bentuk.

Di Malaysia sepatutnya memberi ruang kepada penulis baru untuk hasilkan karya mereka yang mungkin kita dapat lihat bakat mereka serta tidak menyekat karya yang mereka hasilkan.

Menurut Amir Muhammad (2018), J.K Rowling seorang penulis yang hebat dan pada waktu seketika dahulu terpaksa merahsiakan jantinaya yang sebenar untuk menerbitkan buku beliau.

Namun setelah beliau dikenali melalui karyanya, J.K Rowling telah memberi tahu kepada semua siapa dirinya. Dan dengan itu, masyarakat menerima beliau dan tiada sekatan kepada sesiapa untuk berkarya.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan yang diperoleh terhadap perubahan dalam dunia penulisan dan berkarya sememangnya mampu mengubah industri penulisan kreatif dengan lebih baik.

Pada masa yang sama, dapat meluaskan cabang industri kreatif dan melahirkan masyarakat yang suka membaca dengan hasil karya-karya penulisan di Malaysia.

5.2 Apakah Strategi Penjenamaan Penerbitan Yang Dilakukan oleh Penerbitan Buku Fixi?

Bagi objektif kajian yang kedua terhadap strategi penjenamaan penerbitan dalam Buku Fixi, kajian ini memperolehi maklumat melalui informan terhadap penyelidikan ini. Menurut informan 1, pemilihan kualiti dalam Buku Fixi telah mengambil contoh buku-buku di negara luar yang menggunakan *baking paper* terhadap novel mereka.

Kelaianan dan perbezaan dari segi kualiti ialah penggunaan kertas yang ringan dan warna kuning dalam Buku Fixi merupakan strategi untuk menarik minat pembaca membaca Buku Fixi kerana warna dan kualiti kertas yang digunakan sangat mudah untuk dibawa kemana-mana kerana ringan dan juga tidak menyakitkan mata pembaca kerana tidak kelihatan kontra seperti hitam dan putih.

Dengan itu, Fixi memilih kertas dan kualiti bagi penjenamaan mereka untuk keselesaan pembaca.

Tambahan lagi dari informan 1, menyatakan bahawa penerbitan Fixi juga menggunakan *size font* yang agak besar sedikit agar memberi keselesaan kepada pembaca untuk membaca.

Ini jelas dapat dilihat berdasarkan maklumat dari informan 1, penerbitan Fixi memilih keutamaan kepada pembaca terhadap keselesaan pembaca membaca karya mereka. menurut informan 6, bersetuju dengan kata-kata informan 1 kerana kali pertama yang menarik terhadap Buku Fixi adalah dari segi kertas yang digunakan.

Pemilihan kertas dalam Buku Fixi sangat senang untuk dibawa dan tidak berat.

Seterusnya, dalam menjaga kualiti penjenamaan penerbitan Buku Fixi bukan hanya sekadar kualiti buku tersebut akan tetapi pada hasil karya penulis Fixi untuk menaikkan penerbitan Fixi di kalangan pembaca.

Menurut informan 3, Buku Fixi akan dihasilkan sebuah buku dalam masa setahun untuk menjaga kualiti cerita yang lebih menarik. Ia juga disokong oleh informan 2 dengan mengatakan bahawa dalam karya yang diterbitkan di Fixi, sebagai seorang penulis juga akan memastikan buku yang dihasilkan masih berada di dalam carta jualan dan seterusnya akan membuat strategi yang baru untuk menghasilkan kualiti dalam penceritaan karya mereka.

Kenyataan yang diperolehi dari informan 1, telah disokong oleh Tindall et al., (2013), dalam artikelnya How To: Move Forward with a Brand Position, dalam sebuah perlaksanaan sesuatu rancangan harus mempunyai penjenamaan dalam konsep tersendiri kerana ini merupakan daya tarikan kepada pelanggan serta menjamin kedudukan jenama serta mempunyai sebuah jenama yang tersendiri dan berbeza dari yang lain.

Penyelidikan ini membuktikan bahawa transformasi strategi penjenamaan penerbitan terhadap Buku Fixi bukan sahaja berperanan mementingkan kualiti buku tersebut namun penulis Buku Fixi juga mementingkan jualan buku dan karya mereka sentiasa mendapat sambutan dari masyarakat.

Dengan ini, dapat dilihat penerbitan Fixi bukan sekadar memfokuskan pada penjenamaan mereka kepada masyarakat namun penulis juga berperanan menghasilkan karya kreatif dan kualiti cerita kepada pembaca pembaca.

Justeru itu, pemasaran juga memainkan peranan penting untuk mengekalkan penjenamaan Fixi kepada masyarakat bagi memastikan kualiti Fixi berkekalan.

Menurut informan 1, Fixi hanya menggunakan laman media sosial sebagai platform memperkenalkan penjenamaan penerbitan Fixi kepada masyarakat luar. Antara laman media sosial yang digunakan ialah Instagram, Facebook dan juga Twitter.

Dengan menggunakan media sosial untuk memperkenalkan penerbitan Fixi, permulaan Fixi dikenali oleh masyarakat luar bermula di Twitter adalah disebabkan seorang individu iaitu Nizam Bakhri yang mempunyai follower ramai telah kicau semula mengenai penerbitan Buku Fixi.

Bermula dengan itu, masyarakat luar mula kenal dengan Fixi dan mendapat sambutan yang luar biasa oleh kalangan remaja.

Ini kerana, dengan pemilihan media sosial sebagai platform pemasaran kerana ia merupakan satu jalan mudah dan menjimatkan. Penerbitan Fixi tidak mengeluarkan iklan di papan kenyataan mahukan di televisyen untuk memperkenalkan penerbitan Fixi kepada masyarakat.

Secara jelas dengan kenyataan oleh informan 1 pada strategi kualiti dalam penerbitan Fixi, mengatakan Buku Fixi ini mempunyai sasaran remaja dan pelajar sekolah untuk menarik pembaca muda kembali membaca.

Oleh itu selaras dengan pemasaran yang dilakukan untuk menjadikan remaja sebagai sasaran dan juga pelajar sekolah untuk mengenal Fixi di media sosial. Tidak dinafikan zaman sekarang media sosial merupakan tumpuan utama kepada remaja dan juga kalangan masyarakat.

Informan 7 juga menyokong kenyataan informan 1, dengan mengatakan bahawa promosi pemasaran Fixi tidak dilihat secara besar-besaran kerana penerbitan Fixi mengambil langkah yang bijak dengan menggunakan media sosial sahaja untuk mempengaruhi masyarakat untuk mengenal Fixi dan seterusnya menjual Buku Fixi dengan murah.

Ini menjelaskan, pengaruh media sosial dalam penerbitan Fixi sangat kuat. Dengan hanya menggunakan media sosial sahaja penerbitan Fixi dikenali oleh orang luar.

Strategi promosi jualan buku yang dijalankan oleh penerbitan Fixi sangat berkesan kerana masyarakat Malaysia tertarik dengan promosi jualan murah terhadap sesuatu barang. Penyelidikan ini mendapati menerusi informan 9 Buku Fixi yang dijual murah dan mampu beli oleh pelajar.

Tambahan nya lagi, Buku Fixi akan dibeli pada waktu peromosi jualan murah. Dan berikut dengan informan 6 mengatakan bahawa promosi jualan Buku Fixi yang murah dengan harga RM100 untuk 6 buah buku membuatkan daya tarikan untuk mengikuti perkembangan Fixi, Jualan buku yang murah ini juga, ini merupakan peluang besar kepada peminat karya Fixi untuk membeli buku-buku yang menarik dan buku baru yang keluar dipasaran.

Setelah meneliti kajian terhadap pemasaran dan juga promosi yang dilakukan oleh penerbitan Fixi, dapat dilihat secara jelas bahawa penjenamaan Fixi dikenal oleh masyarakat luar dengan hanya pemasaran di media sosial dan juga jualan buku yang murah dan mampu milik.

Tidak dinafikan kenyataan dari informan 9 dan 6, kerana melalui informan 1 juga mengatakan bahawa tidak semua Buku Fixi mendapat sambutan, dan kadang-kala ada beberapa jenis novel yang kurang mendapat sambutan.

Jadi dengan memilih untuk membuat promosi jualan buku 3 buku berharga RM50 merupakan satu langkah yang baik bagi memastikan karya-karya penulis Buku Fixi mendapat sambutan oleh masyarakat luar.

Tambahan lagi, ini merupakan strategi Fixi untuk menaikkan penjenamaan penerbitan Fixi dan yang pasti dikatakan oleh informan 1, rakyat Malaysia suka pada jualan murah.

Walaupun pihak penerbitan Fixi tidak dapat keuntungan yang banyak namun penerbitan Fixi berpuas hati kerana dapat menjual karya-karya penulis dan dapat memberi peluang kepada penulis baru untuk berkarya.

Apa yang dilihat pada kenyataan dari informan 1, kajian yang dijalankan keatas strategi penjenamaan dalam penerbitan Fixi mempunyai daya tarikan masyarakat untuk membeli Buku Fixi.

Walaubagaimanapun, menurut informan 10 untuk mendapatkan promosi Buku Fixi perlu menunggu promosi di Online kerana jualan murah buku-buku dari penerbitannya sukar diperolehi di kawasan pantai timur.

Ini kerana cawangan Buku Fixi hanya ada di sekitar Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Namun, dengan adanya media sosial yang selalu kerap membuat jualan murah dan masyarakat boleh membeli secara atas talian, ini merupakan peluang dan kemudahan yang dibuat oleh Fixi kepada peminat Fixi yang sentiasa mengupdate jualan Buku Fixi terutama di Instagram dan memudahkan pembaca mendapatkan buku yang disukai dengan harga yang sangat berpuas hati.

Selain daripada itu, kelainan yang dibawa oleh penjenamaan penerbitan Fixi adalah dari muka depan Fixi yang membawa penjenamaan penerbitan Fixi dikenali oleh orang ramai.

Kenyataan dari informan 1 mengatakan, cover depan Buku Fixi diletakkan kelainan dengan membesarakan tajuk buku berbanding nama penulis buku itu sendiri. Ini kerana, penerbit Fixi mahu karya penulis buku dikenal orang bukan penulis buku tersebut.

Penerbit Fixi mementingkan kualiti dan kandungan dalam cerita tersebut. Bagi menarikkan minat pembaca, muka depan Buku Fixi berperanan daya tarikan kepada masyarakat untuk mengenali gaya penjenamaan yang dibawa oleh Buku Fixi.

Tambahan lagi, informan 2 yang merupakan sebagai penulis Fixi mempersetujui bahawa dari segi luaran muka depan Fixi pasti masyarakat luar akan nampak kelainan yang dicipta oleh penerbit Fixi. Susunan warna buku dan selaras dengan *cover* yang dicipta cukup memperkenalkan jenama Fixi kepada masyarakat.

Tambahan lagi, berdasarkan informan 7 muka depan Buku Fixi merupakan tarikan kepada pembaca dan mempengaruhi jiwa pembaca untuk membeli buku tersebut.

Informan 7 juga mengatakan, isi sinopsis dibelakang juga membuatkan peminat tertarik dengan cerita di dalam Buku Fixi tersebut. Begitu juga dengan informan 6 yang turut mengatakan muka depan Buku Fixi

membuatkan lagi tertarik untuk membeli disebakan cantik dan bersesuaian dengan tajuk cerita yang disampaikan dalam buku tersebut.

Muka depan yang menarik dan *simple*, tetapi nampak *exclusive*. Informan 9, *cover* depan Buku Fixi yang mempunyai design yang menarik sehingga mempengaruhi masyarakat membeli dan menyimpan untuk memjadikan Buku Fixi sebagai koleksinya.

Ini merupakan strategi penjenamaan Fixi yang telah ditransformasikan terhadap muka depan Buku Fixi sendiri dengan membawa kelainan penerbitan Fixi sendiri.

Dengan itu, kelainan terhadap tajuk Fixi yang hanya menggunakan 1 perkataan sahaja mampu menarik minat pembaca dan membawa branding Fixi sendiri dikenali oleh masyarakat. Menurut, informan 1 beliau berjumpa dengan Arwah Yasmin Ahmad dan bertanyakan kenapa tajuk filem beliau hanya satu perkataan sahaja.

Dan yang diberi jawapan kepada informan 1, ianya mempunyai 2 sebab untuk memiliki tajuk yang hanya menggunakan satu perkataan.

Yang pertama, dengan menggunakan satu perkataan jika ditampal di poster orang akan nampak dan jelas. Falsafah kedua pula, “jika kita tidak dapat merumuskan cerita itu dalam satu perkataan bererti diri kita belum cukup faham dengan cerita kita sendiri”. (Amir Muhammad, Penerbit Buku Fixi, 4 Oktober 2018)

Menurut informan 1, dengan penjelasan yang diperolehi oleh Arwah Yasmin Ahmad penerbit Fixi cuba untuk merungkaikan sendiri makna yang ingin disampaikan oleh Yasmin Ahmad.

Oleh itu, penerbit Fixi cuba membuat kelainan dan mengubah dan memastikan Buku Fixi yang dihasilkan oleh penulis berkualiti.

Dengan itu, dengan Fixi kini telah menggunakan setiap buku yang dikeluarkan hanya menggunakan satu perkataan bagi merungkai cerita sepenuhnya di dalam buku tersebut.

Informan 6 menyokong pendapat dengan mengatakan bahawa jalan cerita yang dihasilkan oleh penulis kepada pembaca begitu menarik. Dan cerita di dalam buku tersebut tidak terpesong dengan tajuk buku itu. Ini merupakan kelebihan penerbitan Buku Fixi.

Dalam kajian ini, penyelidikan yang dilaksanakan terhadap transformasi penjenamaan penerbitan Buku Fixi telah dicapai.

Pemilihan tajuk dan keseimbangan cerita yang telah menarik perhatian pembaca Fixi. Menerusi tajuk dan isi dalaman cerita di dalam Buku Fixi, telah dikenali oleh masyarakat dengan logo Fixi sendiri. Menurut informan 1, nama Fixi sendiri di didapati dari bahasa Indonesia yang bermaksud fiksi, fiksi bermaksud fiction dan diubah dengan gaya sendiri dengan memberi nama Fixi.

Seterusnya dengan mencipta logo penerbitan Fixi sendiri, menurut informan 1 mendapat inspirasi mencipta logo Fixi apabila beliau berada di luar negara dan ketika itu berjalan di sebuah lorong yang unik apabila dinding lorong tersebut mempunyai nama barang yang terkenal dan mahal di seluruh dunia.

Kebanyakkan logo dan nama barang yang ada di dinding sepanjang lorong tersebut hanya menggunakan warna hitam dan putih. Antaranya logo dan nama yang tersenarai di dinding sepanjang jalan tersebut ialah Gucci, Prada, Puma, dan banyak lagi.

Jadi menurut informan 1, beliau mendapat idea untuk mencipta logo penerbitan Fixi yang simple tetapi menarik dan sesuai dengan tajuk dan pengisian dalam buku yang diterbitkan oleh Fixi.

Maka secara keseluruhan dari hasil kajian ini, persoalan kajian di dalam penyelidikan ini telah berjaya menjawab persoalan yang dikemukakan.

Bagi transformasi penjenamaan penerbitan yang dilakukan oleh Buku Fixi, merupakan satu perubahan yang ketara dengan membawa nama Fixi dikenali oleh masyarakat.

Strategi dalam penjenamaan penerbitan yang dilakukan oleh Fixi telah dikenali oleh masyarakat manakala karya Fixi juga mendapat sambutan yang hebat dari masyarakat. Jelas dengan adanya jenama sendiri, sebuah karya dan penerbitan akan dikenali dipasaran dan seterusnya menaikkan jenama Fixi kepada masyarakat.

Justeru, persoalan terhadap transformasi penjenamaan penerbitan di dalam kajian ini telah berhasil menjawab kesemuanya dan mengetahui transformasi yang dilaksanakan dalam penjenamaan penerbitan yang dilakukan oleh Buku Fixi.

Transformasi yang dilakukan oleh penerbitan Buku Fixi membawa kepada pembaharuan yang baru dalam industri penulisan kreatif.

Di dalam kajian ini mendapati bagi strategi kualiti yang dilakukan oleh Buku FIXI merangkumi dari segi gaya bahasa, genre dan jalan cerita yang dihasilkan.

Bagi transformasi penjenamaan penerbitan dalam penerbitan Buku Fixi ia termasuk dari segi pemasaran, promosi yang dilakukan, logo, tajuk dan muka depan Buku Fixi yang membawa kepada perubahan yang dilakukan oleh Buku FIXI.

Justeru itu, kedua-dua persoalan yang ada di dalam kajian ini mendapati menjawab dan seterusnya telah dapat mengenal pasti apakah transformasi yang dilakukan oleh penerbitan Fixi.

6.0 KESIMPULAN

Transformasi yang dilakukan oleh penerbitan Buku Fixi membawa kepada pembaharuan yang baru dalam industri penulisan kreatif.

Hasil kajian ini mendapati strategi kualiti yang dilakukan oleh Buku Fixi merangkumi dari segi gaya bahasa, genre dan jalan cerita yang dihasilkan merupakan satu perubahan yang baru dalam terbitan Fixi.

Terutama jalan cerita yang dihasilkan telah menarik minat masyarakat dan juga merupakan perubahan baru dalam industri penulisan kreatif.

Bagi transformasi penjenamaan penerbitan dalam penerbitan Buku Fixi ia termasuk dari segi pemasaran, promosi yang dilakukan, logo, tajuk dan muka depan Buku Fixi yang membawa daya tarikan yang menarik terhadap penerbitan Buku Fixi.

Justeru, berdasarkan hasil kajian ini mendapati beberapa perubahan yang dilaksanakan oleh penerbitan Buku Fixi yang menghasilkan perubahan dalaman dan luaran yang dihasilkan oleh karya penulis Buku Fixi.

Jelas, kajian ini telah mengungkapkan transformasi strategi kualiti dan penjenamaan penerbitan yang telah dilaksanakan didalam penerbitan Buku Fixi terhadap perubahan dalam industri penulisan kreatif di Malaysia.

Rujukan

- Amir Muhammad. (15 April 2011). Writing by Amir [Web log post]. Dipetik pada 30 Mac 2018, daripada <http://amirmu.blogspot.my/2011/04/fixi-bila-bagaimana-siapa-apa-apa.html>
- Amir Muhammad. (21 Mei 2016). Karya indie bukan main-main. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-bukan-main-main-1.332800>
- Azman Hussin. (27 Mac 2016). Karya indie umpama grafiti. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-umpama-grafiti-1.205295>
- Blackett, T. (2003). *What is a brand? Brands and Branding, 11-16*. Dipetik pada 01 Julai 2018, daripada http://www.culturaldiplomacy.org/academy/pdf/research/books/nation_branding/Brands_And_Branding_-_Rita_Clifton_And_John_Simmons.pdf
- Bernama. (2016). Karya indie dan industri penerbitan buku Malaysia. Dipetik daripada <http://youth.bernama.com/v2/news.php?id=1253819>
- Culea, M. (2012). Book branding and promoting authorial identity: A comparative approach. *KNYGOTYRA*, 59, 93-112. Dipetik pada April 19, 2018, daripada <https://www.vu.lt/leidyba/en/scientific-periodicals/book-science/archive/book-science-2012-59/item/3519-book-branding-and-promoting-authorial-identity-a-comparative-approach>.
- Friedman, J. (13 Mac 2013). 5 industry trends requiring every writer's attention. *WriterunBoxed*. Dipetik pada 23 Jun 2018, daripada <http://writerunboxed.com/2013/03/18/5-industry-trends-requiring-every-writers-attention/>
- Harlequin. (2018). HarperCollins at 200. Dipetik pada 02 April 2018, daripada <https://200.hc.com/stories/the-transformation-of-harlequin/>
- Jenny Imanina Lanong Abdullah. (3 Februari 2017). Memperkasa dan memartabatkan industri buku Malaysia. *Bernama*. Dipetik daripada <http://youth.bernama.com/v2/news.php?id=1325929>
- Leighton, J., & Bird, G. (2012). *The effect of branding on consumer choice*. Pennsylvania, United Kingdom: Mountainviewlearning. Dipetik daripada <http://www.packagingfedn.co.uk/images/reports/The%20Effect%20of%20Branding%20on%20Consumer%20Choice.pdf>
- Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah. (2016). *Alternatif atau arus perdana?: Geliat penerbit buku 'Indie' di Malaysia*. Dibentangkan di International Conference on Multidisciplinary Research, Universiti Hasanuddin Makassar, Indonesia.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. (n.d.). *Laporan awal: Sorotan fenomena buku indie di Malaysia*. Dipetik pada 13 April 2018, daripada http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20Indie.pdf

Namri Sidek. (30 September 2017). *5 penerbitan buku indie paling cemerlang di Malaysia*. Dipetik daripada <https://iluminasi.com/bm/5-penerbit-buku-indie-alternatif-paling-cemerlang-di-malaysia.html>

Penerbitan buku di Malaysia masih jauh ketinggalan. (11 Oktober 2017). *The Malaysian Insight*. Dipetik pada 20 Mei 2018, daripada <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/18168/>

Royle, J., Cooper, L., & Stockdale, R. (1999). The use of branding by trade publishers: An investigation into marketing the book as a brand name product. *Publishing Research Quarterly*, 15(4), 3-13. doi:10.1007/s12109-999-0031-1

Savoie, B. (30 Mei 2017). *10 Important qualities of good writing*. *Best Writing Clues*. Dipetik pada <http://bestwritingclues.com/education/10-important-qualities-of-good-writing/>

Shahrol Fahmie Suaidi. (27 January 2011). Life is a journey of experiences. [Web log post]. Dipetik pada 13 April 2018, daripada http://journey_ofexperiences.blogspot.my/2011/01/ciri-ciri-penulis-yang-berjaya.html

Shamil Hizamie. (15 April 2015). 9 fakta menarik mengenai Buku Fixi. *Astro Awani*. Dipetik pada 03 April 2018, daripada <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/9-fakta-menarik-mengenai-buku-fixi-57858>

Sharples, R. J. (2004). *The business of consumer literacy: How the modern book industry shapes what we read*. Dipetik pada 01 Jun 2018, daripada <http://search.proquest.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/docview/305095565?accountid=42518>

Tindall, E., Cunningham, W., Giles, G., & Devereaux, C. (2013). Brand transformation: What, why and how?. *BrandExtract*. Dipetik pada 12 April 2018, daripada <https://www.brandextract.com/Insights/Articles/Brand-Transformation-What-Why-and-How/>

Venkatesh, R., & Jayasingh, S. (2017). Transformation of Business through Social Media. In N. Rao (Ed.), *Social Media Listening and Monitoring for Business Applications* (pp. 1-17). Hershey, PA: IGI Global. doi:10.4018/978-1-5225-0846-5.ch001

Zaitie Satibi. (8 Mei 2018). Martabat industri penulisan, penerbitan. *MyMetro*. Dipetik pada 12 April 2018, daripada <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/05/337727/martabat-industri-penulisan-penerbitan>

Zulkiply Omar. (30 November 2015). Peranan industri penerbitan terhadap pembangunan ekonomi. *Berita Harian*. Dipetik pada 3 Julai 2018, daripada https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul30_11_2015.pdf